

06 OCT 2003

Agong-Pameran

YANG DI-PERTUAN AGONG RASMI PAMERAN FOTO "SERIBU WAJAH DR MAHATHIR"

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini merasmikan pameran foto "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negawaran" di Balai Seni Lukis Negara (BSLN) di sini.

Seri Paduka yang diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid begitu tertarik melihat sebanyak 1,000 keping gambar Dr Mahathir meliputi 22 tahun beliau menyandang jawatan Perdana Menteri yang dipamerkan, dengan sebahagian besarnya belum pernah disiarkan atau dipamerkan.

Gambar-gambar itu, separuh dicetak pada kanvas dan selebihnya dalam bentuk mural dan multimedia merakamkan Dr Mahathir dalam pelbagai aksi, mood serta suasana.

Pameran itu yang dianjurkan oleh media Malaysia terdiri dari akhbar, stesen televisyen, Jabatan Penerangan dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dengan kerjasama BSLN sebagai tanda penghargaan kepada Dr Mahathir yang sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri terkenal sebagai mesra media.

Gambar dan imej yang dipilih mencerminkan Dr Mahathir sebagai negarawan, pemimpin dan insan biasa yang dikenali oleh dunia luar, negaranya sendiri serta boleh dinilai dari sudut kaca mata rakyat.

Sementara itu Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dalam ucapannya berkata kepelbagaian gambar-gambar ini menunjukkan Dr Mahathir sebagai mesra media yang membolehkan media merekodkan imej-imej Perdana Menteri dalam pelbagai lokasi, acara rasmi dan tidak rasmi dalam pelbagai situasi.

"Tidak terlintas pihaknya (Dr Mahathir) atau pegawai serta pengawalnya menyekat atau melarang gambar-gambarnya untuk direkodkan oleh rakyat," katanya.

Beliau berkata umum mengetahui bahawa sebagai seorang pemimpin, Dr Mahathir mudah dirapati oleh rakyat dari pelbagai golongan tanpa mengira tempat termasuk pusat membeli belah dan tempat rekreasi.

Katanya antara gambar-gambar yang dipamerkan itu telah diturunkan dalam bentuk "art canvas" secara digital iaitu satu teknik khusus untuk memastikan gambar-gambar yang lebih jelas.

Majlis perasmian itu disiarkan secara langsung oleh RTM.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, timbalan-timbalan menteri dan duta-duta negara asing.

Anak Dr Mahathir, Mokhzani mewakili bapanya pada majlis itu.

Hampir 80,000 gambar telah disumbangkan oleh akhbar-akhbar Utusan Melayu, New Straits Times, Berita Harian, The Star, The Sun, Sin Chew Daily, Nanyang Siang Pau, China Press serta Jabatan Penerangan dan Bernama, dan hanya 1,000 gambar telah dipilih untuk dipamerkan.

Sementara itu, media penyiaran RTM, TV3, NTV7 serta Filem Negara turut terlibat dengan memberi pelbagai bantuan dan promosi.

Pameran yang berlangsung selama dua bulan itu akan dibuka secara percuma kepada orang ramai mulai esok dari jam 10 pagi hingga 6 petang setiap hari.

-- BERNAMA

HK NER RV ROS

